

## Season Four: The Second Jahiliyyah

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="188 520 418 569">EPISOD 49</p> <p data-bbox="188 632 737 680">NABI MUHAMMAD SAW</p> <p data-bbox="188 743 363 791">SUARA:</p> <p data-bbox="188 854 980 1661">SELEPAS PADAM API MAJUSI DI PARSI DAN KALAHNYA TENTERA ABRAHAH DI TANAH SUCI MEKAH MAKA LAHIRLAH SEORANG NABI YANG DITUNGGU-TUNGGU OLEH AGAMA NASRANI DAN YAHUDI. BELIAU IALAH MUHAMMAD YANG AGUNG RASUL SEKELIAN ALAM. SESUDAH ZAMAN NABI ISA A.S BERLALU SELAMA 571 TAHUN INSAN HEBAT INI DIAKUI OLEH TIMUR DAN BARAT SEBAGAI INSAN YANG PALING HEBAT DALAM MEMIMPIN AGAMA DAN UMATNYA.</p> <p data-bbox="188 1730 878 1881">DILAHIR PADA TAHUN GAJAH PADA 571 MASIHI. IBU DAN AYAHNYA BERASAL DARI</p>	<p data-bbox="1011 827 1419 1373">VISUAL KAUM NASRANI dan YAHUDI BERBINCANG TENTANG BAKAL MUNCUL NABI BARU DI KALANGAN BANGSA ARAB.</p> <p data-bbox="1011 1514 1398 1675">VISUAL API MAJUSI DI PARSI TERPADAM</p> <p data-bbox="1011 1816 1419 1917">VISUAL TENTERA BERGAJAH</p>

<p>GOLONGAN TERNAMA DARI KOTA MEKAH TAPI KEDUA-DUANYA MENINGGAL DUNIA LEBIH AWAL SEBELUM NABI MUHAMMAD DEWASA.</p> <p>MUHAMMAD SAW TELAH DILAHIRKAN DI TENGAH-TENGAH MASYARAKAT JAHILIYAH. IA SUNGGUH MENYEDIHKAN HATINYA SEHINGGA BELIAU KERAPKALI KE GUA HIRA, SEBUAH GUA BUKIT DEKAT MAKKAH, YANG KEMUDIAN DIKENALI SEBGAI JABAL AL-NOUR UNTUK MEMIKIRKAN CARA UNTUK MENGATASI GEJALA YANG DIHADAPI MASYARAKATNYA. DI SINILAH BAGINDA SERING BERFIKIR DENGAN MENDALAM, MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA MEMUSNAHKAN KEDURJANAAN YANG KIAN BERLELUASA.</p> <p>PADA SUATU MALAM HARI ISNIN 21 RAMADAN (BERSAMAAN 10 OGOS 610), KETIKA BAGINDA SEDANG BERTAFAKUR DI GUA HIRA, MALAIKAT JIBRIL MENDATANGI</p>	<p>KALAH</p> <p>VISUAL GUA HIRA</p>
---	-------------------------------------

MUHAMMAD. JIBRIL  
MEMBANGKITKANNYA DAN  
MENYAMPAIKAN WAHYU ALLAH  
DI TELINGANYA. BAGINDA  
DIMINTA MEMBACA. BAGINDA  
MENJAWAB, "SAYA TIDAK TAHU  
MEMBACA". JIBRIL MENGULANGI  
TIGA KALI MEMINTA MUHAMMAD  
UNTUK MEMBACA TETAPI  
JAWAPAN BAGINDA TETAP SAMA.  
AKHIRNYA, JIBRIL BERKATA:

*"BACALAH DENGAN MENYEBUT  
NAMA TUHANMU YANG  
MENCiptAKAN MANUSIA DARI  
SEGUMPAL DARAH. BACALAH,  
DENGAN NAMA TUHANMU YANG  
AMAT PEMURAH, YANG MENGAJAR  
MANUSIA DENGAN PERANTARAAN  
(MENULIS, MEMBACA). DIA  
MENGAJARKAN KEPADA MANUSIA  
APA YANG TIDAK DIKETAHUINYA."*

INI  
MERUPAKAN WAHYU PERTAMA  
YANG DITERIMA OLEH  
MUHAMMAD. KETIKA ITU  
BAGINDA BERUSIA 40 TAHUN  
SETENGAH. WAHYU ITU TURUN  
KEPADA BAGINDA DARI SEMASA  
KE SEMASA DALAM JANGKA  
MASA 23 TAHUN. SIRI WAHYU INI

TELAH DITURUNKAN MENURUT  
PANDUAN YANG DIBERIKAN  
RASULULLAH DAN  
DIKUMPULKAN DALAM BUKU  
BERNAMA *AL MUSHAF* YANG JUGA  
DINAMAKAN *AL-*  
*QURAN* (BACAAN).

KEBANYAKKAN AYAT-AYATNYA  
MEMPUYAI ERTI YANG JELAS.  
SEBAHAGIANNYA DITERJEMAH  
DAN DIHUBUNGKAN DENGAN  
AYAT-AYAT YANG LAIN.

SEBAHAGIANNYA PULA  
DITERJEMAH OLEH RASULULLAH  
SENDIRI MELALUI  
PERCAKAPANNYA, TINDAKAN  
DAN PERSETUJUAN YANG  
TERKENAL, DENGAN  
NAMA SUNNAH. AL-QURAN DAN  
AL SUNNAH DIGABUNGKAN  
BERSAMA UNTUK MENJADI  
PANDUAN DAN CARA HIDUP  
MEREKA YANG MENYERAHKAN  
DIRI KEPADA ALLAH.

MARHALAH DAKWAH BAGINDA  
BOLEH DIBAHAGIKAN MENGIKUT  
FASA:

1. FASA MAKKAH: HAMPIR 13  
TAHUN

1. DAKWAH RAHSIA: 3

TAHUN

2. DAKWAH TERBUKA DI  
MAKKAH: HAMPIR 7  
TAHUN

3. DAKWAH KEPADA  
SEMUA: 3 TAHUN

2. FASA MADINAH: 10 TAHUN

PERJUANGAN DAKWAH  
RASULULLAH JUGA BOLEH  
DIRINGKASKAN SEBAGAI  
BERIKUT:

- PERTAMA: MARHALAH TASQIF -  
TAHAP PEMBINAAN DAN  
PENINGKADERAN UNTUK  
MELAHIRKAN INDIVIDU-  
INDIVIDU YANG MENYAKINI  
PEMIKIRAN (FIKRAH) DAN  
METOD (THARIQAH) PARTI  
POLITIK GUNA MEMBENTUK  
KERANGKA GERAKAN.
- KEDUA: MARHALAH TAFU'UL  
MA'AL UMMAH - TAHAP  
BERINTERAKSI DENGAN UMAT  
AGAR UMAT TURUT SAMA  
MEMIKUL  
KEWAJIBAN DAKWAH ISLAM,  
SEHINGGA UMAT AKAN  
MENJADIKAN ISLAM SEBAGAI  
PANDUAN UTAMA DALAM

HIDUPNYA SERTA BERUSAHA  
UNTUK MENERAPKANNYA  
DALAM KEHIDUPAN  
BERNEGARA DAN  
BERMASYARAKAT.

- KETIGA: MARHALAH ISTILAMIL  
HUKMI - TAHAP  
PENGAMBILALIHAN  
KEKUASAAN, DAN PENERAPAN  
ISLAM SECARA UTUH SERTA  
MENYELURUH, LALU  
MENGEMBANGKANNYA  
SEBAGAI RISALAH ISLAM KE  
SELURUH PENJURU DUNIA.

PERBUATAN-PERBUATAN YANG  
DILAKUKAN RASULULLAH  
DIBAGI MENJADI DUA MACAM.  
ADA YANG TERMASUK  
PERBUATAN-PERBUATAN  
JIBILIAH, IAITU PERBUATAN  
YANG DILAKUKAN MANUSIA  
SECARA FITRI, DAN ADA PULA  
PERBUATAN-PERBUATAN SELAIN  
JIBILIAH. PERBUATAN-  
PERBUATAN JIBILIAH, SEPERTI  
BERDIRI, DUDUK, MAKAN, MINUM  
DAN LAIN SEBAGAINYA, TIDAK  
ADA PERSELISIHAN BAHAWA  
STATUS PERBUATAN TERSEBUT  
ADALAH MUBAH (HARUS), BAIK

BAGI RASULULLAH MAUPUN BAGI UMATNYA. OLEH KERANA ITU, PERBUATAN TERSEBUT TIDAK TERMASUK DALAM KATEGORI MANDUB (SUNAT). SEDANGKAN PERBUATAN-PERBUATAN YANG BUKAN JIBILIYAH, BOLEH JADI TERMASUK DALAM HAL-HAL YANG DITETAPKAN KHUSUS BAGI RASULULLAH, DIMANA TIDAK SEORANG PUN DIPERKENANKAN MENGIKUTINYA (HARAM); ATAU BOLEH JADI TIDAK TERMASUK DALAM PERBUATAN YANG DIPERUNTUKKAN KHUSUS BAGI BELIAU. APABILA PERBUATAN ITU TELAH DITETAPKAN KHUSUS BAGI RASULULLAH, SEPERTI DIBOLEHKANNYA BELIAU MELANJUTKAN PUASA PADA MALAM HARI TANPA BERBUKA, ATAU DIBOLEHKANNYA MENIKAH DENGAN LEBIH DARI EMPAT WANITA, DAN LAIN SEBAGAINYA DARI KEKHUSUSAN BELIAU; MAKA DALAM HAL INI KITA TIDAK DIPERKENANKAN MENGIKUTINYA. SEBAB, PERBUATAN-PERBUATAN

TERSEBUT TELAH TERBUKTI  
DIPERUNTUKKAN KHUSUS BAGI  
BELIAU  
BERDASARKAN IJMAK SAHABAT.  
OLEH KERANA ITU TIDAK  
DIBOLEHKAN MENELADANI  
BELIAU DALAM PERBUATAN-  
PERBUATAN SEMACAM INI.

AKAN HALNYA DENGAN  
PERBUATAN BELIAU YANG KITA  
KENAL SEBAGAI PENJELAS BAGI  
KITA, TIDAK ADA PERSELISIHAN  
BAHAWA HAL ITU MERUPAKAN  
DALIL. DALAM HAL INI  
PENJELASAN TERSEBUT BOLEH  
BERUPA PERKATAAN, SEPERTI  
SABDA BELIAU:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

“SOLATLAH KALIAN  
SEBAGAIMANA KALIAN MELIHAT  
AKU SOLAT”

خُذُوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ

"LAKSANAKAN MANASIK HAJIMU  
BERDASARKAN MANASIKKU (APA  
YANG TELAH AKU KERJAKAN)"

HADIS INI MENUNJUKKAN  
BAHAWA PERBUATAN BELIAU  
MERUPAKAN PENJELAS, AGAR  
KITA MENGIKUTINYA.  
PENJELASAN BELIAU BISA JUGA

BERUPA QARAAIN AL AHWAL,  
YAKNI QARINAH/INDIKASI YANG  
MENERANGKAN BENTUK  
PERBUATAN, SEPERTI MEMOTONG  
PERGELANGAN PENCURI SEBAGAI  
PENJELAS FIRMAN ALLAH SWT:

فَاقْطِعُوا أَيْدِيَهُمَا

"MAKA POTONGLAH TANGAN  
KEDUANYA." (SURAH AL-  
MAIDAH : 38)

STATUS PENJELAS YANG  
TERDAPAT DALAM PERBUATAN  
RASULULLAH, BAIK BERUPA  
UCAPAN MAUPUN INDIKASI YANG  
MENERANGKAN BENTUK  
PERBUATAN, DAPAT MENGIKUTI  
HUKUM APA YANG TELAH  
DIJELASKAN, APAKAH ITU WAJIB,  
HARAM, MANDUB(SUNAT) ATAU  
MUBAH(HARUS) SESUAI DENGAN  
ARAH PENUNJUKAN DALIL.

SEDANGKAN PERBUATAN-  
PERBUATAN BELIAU YANG TIDAK  
TERDAPAT DI DALAMNYA  
INDIKASI YANG MENUNJUKKAN  
BAHAWA HAL ITU MERUPAKAN  
PENJELAS, BUKAN PENOLAKAN  
DAN BUKAN PULA KETETAPAN.  
MAKA DALAM HAL INI PERLU  
DIPERHATIKAN APAKAH DI

DALAMNYA TERDAPAT MAKSUD UNTUK BERTAQARRUB (MENDEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH) ATAU TIDAK. APABILA DI DALAMNYA TERDAPAT KEINGINAN UNTUK BERTAQARRUB KEPADA ALLAH MAKA PERBUATAN ITU TERMASUK MANDUB(SUNAT), DI MANA SESEORANG AKAN MENDAPATKAN PAHALA ATAS PERBUATANNYA ITU DAN TIDAK MENDAPATKAN BALASAN JIKA MENINGGALKANNYA. MISALNYA SOLAT DUHA. SEDANGKAN JIKA TIDAK TERDAPAT DI DALAMNYA KEINGINAN UNTUK BERTAQARRUB, MAKA PERBUATAN TERSEBUT TERMASUK MUBAH(HARUS).

PESANAN TERAKHIR BELIAU:

KETIKA RASULULLAH MENERJAKAN IBADAH HAJI YANG TERAKHIR, MAKA PADA 9 ZULHIJAH TAHUN 10 HIJARAH DI LEMBAH URANAH, BUKIT ARAFAH, BAGINDA MENYAMPAIKAN KHUTBAH TERAKHIRNYA DI HADAPAN KAUM MUSLIMIN, DI ANTARA ISI

DARI KHUTBAH TERAKHIR  
RASULULLAH ITU IALAH:

**"WAHAI MANUSIA,  
DENGARLAH BAIK-BAIK APA  
YANG HENDAK  
KUKATAKAN, AKU TIDAK  
MENGETAHUI APAKAH AKU  
DAPAT BERTEMU LAGI  
DENGAN KAMU SEMUA  
SELEPAS TAHUN INI. OLEH  
ITU, DENGARLAH DENGAN  
TELITI KATA-KATAKU INI  
DAN SAMPAIKANLAH IA  
KEPADA ORANG-ORANG  
YANG TIDAK DAPAT HADIR  
DISINI PADA HARI INI.**

**"WAHAI MANUSIA,  
SEPERTIMANA KAMU  
MENGANGGAP BULAN INI  
DAN KOTA INI SEBAGAI  
SUCI, ANGGAPLAH JIWA  
DAN HARTA SETIAP ORANG  
MUSLIM SEBAGAI AMANAH  
SUCI. KEMBALIKAN HARTA  
YANG DIAMANAHKAN  
KEPADA KAMU KEPADA  
PEMILIKNYA YANG  
BERHAK. JANGANLAH KAMU  
SAKITI SESIAPAPUN AGAR**

**ORANG LAIN TIDAK  
MENYAKITI KAMU LAGI.  
INGATLAH BAHAWA  
SESUNGGUHYA KAMU AKAN  
MENEMUI TUHAN KAMU  
DAN DIA PASTI MEMBUAT  
PERHITUNGAN DI ATAS  
SEGALA AMALAN KAMU.  
ALLAH TELAH  
MENGHARAMKAN RIBA,  
OLEH ITU, SEGALA URUSAN  
YANG MELIBATKAN RIBA  
DIBATALKAN MULAI  
SEKARANG.**

**"BERWASPADALAH  
TERHADAP SYAITAN DEMI  
KESELAMATAN AGAMA  
KAMU. DIA TELAH  
BERPUTUS ASA UNTUK  
MENYESATKAN KAMU  
DALAM PERKARA-PERKARA  
BESAR, MAKA BERJAGA-  
JAGALAH SUPAYA KAMU  
TIDAK MENGIKUTINYA  
DALAM PERKARA-PERKARA  
KECIL.**

**"WAHAI MANUSIA  
SEBAGAIMANA KAMU  
MEMPUNYAI HAK ATAS  
ISTERI KAMU, MEREKA  
JUGA MEMPUNYAI HAK KE**

**ATAS KAMU. SEKIRANYA  
MEREKA  
MENYEMPURNAKAN HAK  
MEREKA KE ATAS KAMU,  
MAKA MEREKA JUGA  
BERHAK DIBERIKAN MAKAN  
DAN PAKAIAN, DALAM  
SUASANA KASIH SAYANG.  
LAYANILAH WANITA-  
WANITA KAMU DENGAN  
BAIK DAN BERLEMAH-  
LEMBUTLAH TERHADAP  
MEREKA KERANA  
SESUNGGUHNYA MEREKA  
ADALAH TEMAN DAN  
PEMBANTU KAMU YANG  
SETIA. DAN HAK KAMU ATAS  
MEREKA IALAH MEREKA  
SAMA SEKALI TIDAK BOLEH  
MEMASUKKAN ORANG  
YANG KAMU TIDAK SUKAI  
KE DALAM RUMAH KAMU  
DAN DILARANG  
MELAKUKAN ZINA.  
"WAHAI MANUSIA,  
DENGARLAH BERSUNGGUH-  
SUNGGUH KATA-KATAKU  
INI, SEMBAHLAH ALLAH,  
DIRIKANLAH SOLAT LIMA  
WAKTU, BERPUASALAH DI  
BULAN RAMADHAN, DAN**

**TUNAIKANLAH ZAKAT DARI  
HARTA KEKAYAAN KAMU.  
KERJAKANLAH  
IBADAH HAJI SEKIRANYA  
KAMU MAMPU.  
KETAHUILAH BAHAWA  
SETIAP MUSLIM ADALAH  
SAUDARA KEPADA MUSLIM  
YANG LAIN. KAMU SEMUA  
ADALAH SAMA; TIDAK  
SEORANG PUN YANG LEBIH  
MULIA DARI YANG LAINNYA  
KECUALI  
DALAM TAQWA DAN  
BERAMAL SOLEH.  
"INGATLAH, BAHAWA KAMU  
AKAN MENGHADAP ALLAH  
PADA SUATU HARI UNTUK  
DIPERTANGGUNGJAWABKA  
N DIATAS SEGALA APA YANG  
TELAH KAMU KERJAKAN.  
OLEH ITU, AWASILAH AGAR  
JANGAN SEKALI-KALI KAMU  
TERKELUAR DARI  
LANDASAN KEBENARAN  
SELEPAS KETIADAANKU.  
"WAHAI MANUSIA, TIDAK  
ADA  
LAGI NABI ATAU RASUL YAN  
G AKAN DATANG  
SELEPASKU DAN TIDAK**

**AKAN LAHIR AGAMA BARU. OLEH ITU WAHAI MANUSIA, NILAILAH DENGAN BETUL DAN FAHAMILAH KATA-KATAKU YANG TELAH AKU SAMPAIKAN KEPADA KAMU. SESUNGGUHNYA AKU TINGGALKAN KEPADA KAMU DUA PERKARA, YANG SEKIRANYA KAMU BERPEGANG TEGUH DAN MENGIKUTI KEDUADUANYA, NESCAYA KAMU TIDAK AKAN TERSESAT SELAMA-LAMANYA. ITULAH AL-QUR'AN DAN SUNNAHKU. "HENDAKLAH ORANG-ORANG YANG MENDENGAR UCAPANKU, MENYAMPAIKAN PULA KEPADA ORANG LAIN. SEMOGA YANG TERAKHIR LEBIH MEMAHAMI KATA-KATAKU DARI MEREKA YANG TERUS MENDENGAR DARIKU. SAKSIKANLAH YA ALLAH, BAHAWASANYA TELAH AKU SAMPAIKAN RISALAH-MU KEPADA HAMBА-HAMBА-MU."**
